

RM596j kos bina kolam takungan elak banjir

» Kerajaan negeri yakin peruntukan atasi masalah bah kilat

Oleh Amir Mamat
bhnews@bh.com.my

► Ayer Keroh

Melaka memerlukan RM596 juta bagi menyelenggara sistem saliran yang dikenal pasti menjadi punca banjir di negeri ini, kata EXCO Pertanian dan Pembangunan Usahawan negeri, Datuk Hasan Abd Rahman.

Katanya, peruntukan bagi membina beberapa lagi kolam takungan, termasuk di luar bandar yang sering mengalami masalah berkenaan, sudah dimohon oleh kerajaan negeri kepada Unit Perancang Ekonomi (EPU), Jabatan Perdana Menteri, tahun lalu.

"Saya yakin jika peruntukan itu diluluskan, masalah banjir yang membelenggu penduduk dapat diatasi sepenuhnya dan rakyat hidup kea-



Ab Rahaman Ab Karim

daan tenteram walaupun hujan lebat," katanya menjawab soalan tambahan Datuk Ng Choon Koon (BN-Bemban) pada sidang Dewan Undangan Negeri (DUN) Ke-13, semalam.

Bina tebatan banjir

Katanya, untuk mengatasi banjir kilat di kawasan DUN Bemban bagi tempoh jangka pendek, kerajaan negeri menerusi Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) akan melakukan penyelenggaraan sungai untuk melancarkan aliran air dan membina projek tebatan banjir membabitkan Sungai



Hasan Abdul Rahman

Duyong bagi tempoh jangka panjang.

"Selain itu, skuad khas JPS juga akan turun padang memantau sistem perparitan di negeri ini, terutama kawasan yang sering dilanda banjir untuk diambil tindakan segera, termasuk membersihkan sistem perparitan," katanya.

Sementara itu, EXCO Kesihatan, Pembangunan Sukan dan Anti Dadah negeri, Datuk Ab Rahaman Ab Karim, berkata hanya dua kes wabak demam kepialu dilaporkan di Melaka sejak tahun 2008 hingga tahun lalu dan kedua-dua-

nya membabitkan warga asing, masing-masing berusia 12 dan 26 tahun.

16,199 premis diperiksa

"Kes mereka disahkan berpunca daripada jangkitan yang dibawa dari negara asal. Kes pertama pada 6 Disember 2013, membabitkan pesakit 12 tahun pemegang kad Suruhanjaya Tinggi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu Bagi Pelarian (UNHCR) yang mendapat rawatan di Hospital Melaka (HM) pada 21 Disember.

"Kanak-kanak itu datang bersama keluarganya ke Melaka pada pertengahan November 2013 selepas transit beberapa hari di Thailand. Kes kedua membabitkan lelaki Myanmar berusia 26 tahun yang mendapatkan rawatan di HM pada 13 Mac 2014," katanya menjawab soalan Dr Md Khalid Kassim (PAS-Bukit Baru).

Mengikut rekod pemeriksaan Jabatan Kesihatan negeri sejak tahun 2013 hingga September lalu, katanya, sebanyak 16,199 premis diperiksa, manakala 720 premis makanan diarah tutup sementara mengikut Akta Makanan 1983 kerana tidak bersih dan boleh menyebabkan pencemaran makanan